

PERISTIWA PENGISYTIHARAN MALAYSIA

1. Diisytiharkan pada **16 September 1963**.
2. Istiadat pengisytiharan diadakan **serentak** di **Kuala Lumpur, Sarawak** dan **Sabah**.
 - (a) **Kuala Lumpur**

Yang di-Pertuan Agong membacakan Pengisytiharan Malaysia di Stadium Merdeka dan disaksikan oleh Tunku Abdul Rahman.
 - (b) **Sarawak**
 - (i) **Datu Abang Haji Openg Abang Sapiee** mengangkat sumpah jawatan sebagai Yang di-Pertua Negeri Sarawak.
 - (ii) Pengisytiharan Malaysia dibaca oleh **Khir Johari**, wakil Kerajaan Persekutuan di Kuching, Sarawak.
 - (iii) Turut dihadiri anggota Kabinet Negeri.
 - (c) **Sabah**
 - (i) **Datu Mustapha Datu Harun** telah mengumumkan Pengisytiharan Malaysia serta menandatangani surat sumpah jawatan sebagai **Yang di-Pertua Negeri Sabah** pertama.
 - (ii) Tun Abdul Razak Hussein mewakili Kerajaan Persekutuan.

